

# Lawatan Persaudaraan Lebih Erat dari Sedarah Sedaging

Mohamad Reza Pahlavi, Shahanshah, Iran, yang berjasa kepada tanah air dan rakyatnya telah melawat ke Malaysia mengikat dan menghubungkan persaudaraan yang lebih erat daripada persaudaraan sedarah sedaging yaitu persaudaraan Islam. Inilah kali yang pertama seorang raja yang memerintah melawat ke negara Malaysia sesudah merdeka ini. Hubungan ini mengeratkan lagi hubungan persaudaraan Islam yang berjauhan tanah airnya tetapi sehati dan satu hati. Shahanshah, Mohammad Reza Pahlavi seorang raja yang memerintah di Iran atau Parsi yang sejarahnya banyak lama dan tua baginda adalah seorang pemerintah yang dikasihi dan disayangi oleh rakyat disebabkan kerana baginda tidak membesarkan diri dan menjadikan diri baginda sebagai pemimpin kepada rakyat yang sentiasa memerhatikan masalah-masalah dan kedudukan-kedudukan rakyat jelata. Ini hanya diketahui oleh orang-orang yang membaca sejarah dan *tawārīkh* Iran yang bergolak dari suatu ke suatu masa yang tidak putus-putusnya, sekejap naik dan sekejap turun, semenjak berkurun-kurun dari dahulu, tetapi pada masa sekarang baginda adalah sebagai suatu binaan-binaan yang tidak dapat dilupakan oleh sejarah dan rakyat Iran akan jasa-jasa baginda yang cemerlang itu.

Kalau kita hendak meriwayatkan sejarah Iran tentulah panjang, dan di sini untuk mengenalkan baginda kepada dunia Islam di semenanjung tanah air Gugusan Pulau-pulau Melayu ini kita hanya mengambil peristiwa-peristiwa yang terjadi di dalam masa kurun yang ke-19, kerana daripada punca itulah mulai tanah Iran dijadikan rebutan-rebutan oleh dua kuasa yang besar yaitu British dan Russia. Dalam masa pemerintahan Qajar menjadi semakin zalim, maka berpeluaglah Russia dan British untuk mengganggu urusan dalam negeri Iran. Dalam tahun 1802 Baron de Reuter seorang warganegara British telah diberikan kuasa monopoli oleh Shah Iran untuk selama 70 tahun menguasai jalan-jalan kereta api dan trem di Iran, termasuk bahan-bahan galian kecuali emas, perak

dan permata. Rancangan usaha-usaha tali air, jalan raya, kilang dan telegram dan cukai-cukai kastam diserahkan di dalam kuasanya selama 25 tahun. Perbuatan Shah Iran itu telah dibangkang oleh orang ramai dan kerana tekanan oleh Russia pula menyebabkan Shah Iran membatalkan pemberiannya kepada British.

Sebagai gantinya diberilah kebenaran untuk menubuhkan sebuah Bank Negara Iran dengan modal British yang diberikah hak untuk mengeluarkan wang-wang kertas. Pemberian hak ini serta banyak pemberian-pemberian hak yang lain kepada orang asing telah dilakukan oleh Shah itu untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan besar yang tidak sewajarnya di dalam istananya. Pada tahun 1906 Iran telah berhutang kepada Russia £ 7.5 juta. Mengambil peluang daripada pinjaman-pinjaman ini Russia meminta dan

menerima lebih banyak lagi hak-hak dalam lapangan perniagaan. Dalam bulan Ogos tahun 1906 setelah orang ramai yang berjumlah kira-kira 12, 000 orang melancarkan mogok-mogok di ibu kota, Shah mengeluarkan satu perlembagaan pada 5 Ogos 1906.

Kemudian daripada itu berlakulah pertelingkahan yang berlanjutnya di antara Shah dengan tokoh-tokoh perlembagaan. *Brigade Cossack* yang dibentuk pada masa itu oleh pemerintah Naser al-Din Shah dan diketuai oleh pegawai-pegawai bangsa Russia telah mengambil bahagian dalam perjuangan itu. Angkatan itu telah dibenarkan oleh Mohammad Ali Shah untuk menindas Majlis Negara dalam tahun 1908. Terjadilah peperangan saudara dan Mohammad Ali terpaksa meninggalkan takhta kerajaan dalam tahun 1909.

Dalam pada itu semenjak tahun 1907 satu perjanjian British dan Russia telah ditandatangani membahagikan negara itu kepada kawasan-kawasan yang dikawal oleh kuasa asing. Russia meneruskan tekanannya. Dalam tahun 1909, 1911 dan 1912 askar Russia telah menduduki Tabriz dan lain-lain bandar di utara Iran, dan dalam tahun 1911 akibat dari tekanan Russia Majlis Negara telah digantung dan Pentadbir Agung Kewangan seorang Amerika bernama Shuster yang telah dilantik untuk menyusun kewangan Iran Zabritar terpaksa diberhentikan.

Dalam Perang Dunia yang Kedua Iran tidak menyebelahi mana-mana pihak tetapi ejen-ejen British, Turki dan Russia bergerak dan bergiat dalam negeri itu. Selepas perang keadaannya bertambah rumit. Pemberontakan di Russia pada tahun 1917 telah berbangkit dan askar-askar Russia yang besar bilangannya ditempatkan di Iran Utara, di mana satu angkatan British di selatan meyerang dengan jayanya. Dalam tahun 1919 British mengeluarkan satu perjanjian dan di antara lain-lain mereka akan meminjamkan wang, memberikan penasihat-penasihat pentadbiran dan ketenteraan, senjata dan peralatan, membina jalan-jalan raya dan jalan-jalan kereta api. Orang ramai menentang hebat perjanjian itu kerana ia akan membawa kepada bertambahnya kekuasaan asing, Parlimen juga menolak cadangan itu.

### **Munculnya Reza Shah Pahlavi :**

Pada awal tahun 1920 pasukan Cossack adalah dipimpin oleh pegawai Russia tetapi dalam bulan Ogos tahun 1920, Reza Khan dapat menyebabkan pegawai-pegawai Russia itu diberhentikan dan ia sendiri menjadi ketua tentera itu. Ia telah berdamping dengan Zia'eddin, seorang wartawan *revolutioner* yang telah membangkitkan perasaan orang ramai terhadap keadaan-keadaan di dalam negeri. Ia telah berangkat dari Bandar Ghazdin dalam perjalanan yang mashur itu ke Zhiraq Pada 21 haribulan Februari 1921 dalam satu rampasan kuasa yang tidak menumpahkan darah ia telah menumbangkan kerajaan yang lemah itu Zia'eddin menjadikan dirinya Perdana Menteri dan Reza Khan menjadi Menteri Peperangan.

Oleh kerana Zia'eddin terlalu radikal, seorang Perdana Menteri baharu telah dilantik sedangkan Reza Khan terus-menerus menjadi orang kuat kerajaan sebagai Menteri Peperangan. Dalam tahun 1923, ia telah menjadi Perdana Menteri.

Shah yang bernama Ahmad pergi ke Eropah dan tinggal di sana selama jangka waktu yang tidak ditetapkan.

31 Oktober 1925 Parlimen melucutkan jawatan Ahmad Shah yang masih dalam perantauannya yang kemudiannya meninggal dunia di Eropah. Pada 13 Disember 1925 Parliamen mengisytiharkan Reza Khan sebagai Shahanshah Iran. Tugas pertama yang dilakukannya ialah memulihkan kuasa kerajaan pusat di seluruh negeri, dan yang kedua meletakkan perhubungan Iran dengan negara-negara asing dalam asas

sama taraf. Semua perjanjian-perjanjian mengenai jajahan-jajahan telah ditamatkan pada tahun 1928.

Reza Shah Pahlavi telah membuka jalan ke arah kemajuan bagi Iran. Di antaranya ia telah dapat mencapai pembinaan jalan kereta api yang menghubungkan Iran dengan negeri-negeri lain yang dimulakan pada tahun 1927 dan siap pada tahun 1939. Landasan kereta api menyeberangi lebih kurang 4,000 jambatan dan melalui 224 buah jalan-jalan bawah tanah yang jumlah panjangnya 54 batu,

Baginda telah juga memindahkan kuasa mengeluarkan wang kertas kepada kerajaan dan membina sebuah bank negara yang besar dan lengkap. Baginda mengemukakan belanjawan Iran yang pertama yang tersusun dan teratur dan menyebabkan perusahaan negeri berkembang dan meluas. Universiti Kebangsaan Tehran telah didirikan olehnya pada tahun 1934, dan 8 Julai 1937 Iran menyertai Turki, Iraq dan Afghanistan dalam Perjanjian Saad-abad.

### **Perang Dunia Kedua dan selanjutnya:**

Dalam perang yang tersebut Iran meletakkan dirinya di dalam negara-negara yang berkecuali. Dalam tahun 1941 Pihak Berikat meminta supaya bilangan orang-orang Jerman di negeri itu dikurangkan. Mereka menuntut semua warganegara Jerman dikeluarkan dikecualikan mereka yang diperlukan di bidang ekonomi Iran, dan tidak menandatangani bahaya kepada negara-negara Pihak Berikat.

## Lawatan Persaudaraan . . .

Kerana permintaan itu tidak diikuti oleh Iran maka pada permulaan bulan Ogos 1941 Iran diserang. Pada 16 September 1941, Reza Shah Pahlavi meletakkan jawatannya daripada takhta kerajaannya memberi peluang supaya anaknya Mohammad Reza Pahlavi, Shahanshah yang ada sekarang – baru sahaja melawat Malaysia – menggantikannya. Dalam tahun 1942, bulan Januari, satu perjanjian tiga negara telah dibuat yaitu di antara Iran, Britain dan Russia. Dalam perjanjian itu Britain dan Russia berjanji akan menghormati kuasa Iran dan wilayah-wilayahnya, serta menghormati kedaulatan dan kemerdekaan negeri Iran. Sebaliknya kerajaan Iran berjanji memberikan kepada Pihak Berikat hak yang tidak terbatas bagi mengguna, memelihara, menjaga dan mengawal semua alat-alat perhubungan di Iran. Tentera Pihak Berikat akan ditarik keluar tidak lewat daripada 6 bulan selepas tamat permusuhan di antara Pihak Berikat dengan Jerman.

Askar British dan Amerika telah keluar dari Iran dalam bulan *March* tahun 1946 tetapi askar Russia tidak keluar. Setelah pengaduan dibuat kepada Majlis Keselamatan Bangsa-Bangsa Bersatu, askar-askar Russia pun keluar dalam tahun 1946 itu juga. Dalam bulan April 1951 Majlis Negara meluluskan satu undang-undang untuk memberi kuasa kepada kerajaan supaya mengambil alih perusahaan minyak. Dan dalam bulan Mei Dr. Mosaddegh yang telah memimpin gerakan untuk memberi kuasa kepada kerajaan supaya mengambil

alih perusahaan minyak itu, menjadi Perdana Menteri Iran. Syarikat minyak negara dan British merayu kepada Mahkamah Antarabangsa bahawa kerajaan Iran enggan menghiraukan pihak yang berkuasa mahkamah itu, Kerajaan British merujukkan pertikaian itu kepada Majlis Keselamatan yang demikian memutuskan menengguhkan perkara menimbangkan pertikaian tersebut hingga Mahkamah Antarabangsa memberi keputusan.

Dalam bulan Julai 1952 Mahkamah Antarabangsa memutuskan bahawa ia tidak berkuasa menimbangkan pertikaian minyak itu. Syarikat Minyak British - Iran akhirnya meninggalkan negeri itu kerana tidak dapat meneruskan perusahaannya. Pada 22 Oktober 1952 kerajaan Iran memutuskan hubungan diplomatik dengan Britain. Peristiwa itu menimbulkan perselisihan pula diantara Perdana Menteri Mosaddegh dengan Shah. Peristiwa ini adalah membawa merosotnya dengan cepat ekonomi negeri Iran dan kekacauan di sana-sini berlaku.

Pada akhir bulan Februari 1953 Shah Iran mengemukakan keputusannya hendak meninggalkan negeri itu tetapi oleh kerana rakyat menunjukkan taat setia kepadanya baginda pun membatalkan keputusan itu. Dalam bulan Julai 1953 ramai anggota Majlis Negara telah meletakkan jawatan kerana tidak bersetuju dengan cara-cara Mosaddegh menjalankan urusan negara.

Mosaddegh mengadakan pungutan suara dan mendakwa bahawa keputusan pungutan suara itu menunjukkan persetujuan supaya Majlis Negara dibubarkan, maka

ia pun membubarkan Majlis itu. Pada 16 Ogos pegawai bawahan mencuba menjatuhkan Mosaddegh tetapi tidak berjaya. Shah Iran dan pemaisurinya meninggalkan negeri itu bagi mencegah pertumpahan darah dan perang saudara. Tiga hari kemudian Panglima Zahedi yang telah menjadi Perdana Menteri telah mengambil alih pengawalan negara. Mosaddegh dan lain-lain anggota kerajaan ditangkap. Shah kembali dan membentuk sebuah kerajaan baharu.

Kerajaan baharu ini mengadakan semula hubungan diplomatik dengan Britan dalam bulan September 1953 dan rundingan-rundingan dengan syarikat minyak British dan Amerika dimulakan untuk menyelesaikan masalah minyak. Diputuskan keutungan yang didapati daripada minyak bahagi sama rata di antara kerajaan Iran dengan Syarikat Minyak British - Amerika dan Syarikat Minyak Kebangsaan Iran akan menyelenggarakan telaga-telaga minyak di Nafti Shah dan kilang penapis minyak di Kermanshah untuk memenuhi sebahagian daripada keperluan Iran dan menyelenggarakan pembahagian barang-barang keluaran daripada minyak di Iran. Begitulah cara baharu timbul sehingga pada bulan April 1955 Zahedi meletakkan jawatan dan diganti oleh Ala' dan semenjak itulah Mohamad Reza Pahlavi, Shahanshah yang ada sekarang mengambil bahagian di dalam pembangunan negaranya dengan cergas.

### **Jasanya:**

Dibawah pimpinannya yang dinamik dengan cepat baginda dapat melepaskan kesulitan-kesulitan kewangan yang ditimbulkan oleh pemerintah Musaddegh. Pada bulan Oktober 1955 Iran

## Lawatan Persaudaraan . . .

menyertai perjanjian Baghdad.

Tahun 1960 Shah Iran telah membahagikan semua harta-hartanya kepada kaum petani dan ia hanya menerima bayaran gaji yang diberikan kepadanya kerana jawatan yang dipegangnya sahaja.

Yayasan Pahlavi telah ditubuhkan dalam tahun 1958 dan banyak menerima pemberian daripada Shah bagi meninggikan taraf pelajaran, kesihatan dan kebajikan masyarakat bagi orang-orang yang tidak berkemampuan. Dalam bulan Oktober 1961 Shah menubuhkan Amanah Kerajaan Pahlavi dan wang sebanyak empat puluh juta pound – keuntungan daripadanya digunakan kerana perkhidmatan-perkhidmatan di lapangan kemasyarakatan, pelajaran dan kesihatan.

Pada 9 Januari 1963 Shahanshah telah melancarkan suatu revolusi cara aman yang menggunakan 6 rancangan:

1. Menghapuskan pemerintahan tuan tanah – secara perhambaan.
2. Membentuk satu pasukan membanteras buta huruf untuk memudahkan pelancaran rancangan pelajaran untuk orang ramai dan pelajaran yang diwajibkan.
3. Mengambil alih kuasa kerajaan atas segala hutan di seluruh negeri.
4. Menjual saham-saham berkenaan dengan kilang-kilang kerajaan mengadakan sokongan terhadap perubahan sistem milik tanah.

5. Membolehkan kerajaan dan membolehkan perkara-perkara memperoleh keuntungan dari kilang-kilang perusahaan dan kilang-kilang membuat barang-barang, dan

6. Meminda undang-undang pilihan raya. Perubahan-perubahan ini disambut dengan gembira oleh rakyat tetapi telah menimbulkan kemarahan tuan-tuan tanah yang bersikap feudal. Satu pungutan suara yang bebas dan adil telah diadakan diseluruh negeri pada 26 Januari 1963 dan 5,598,711 orang rakyat iaitu hampir 98% telah memberi undi sokongan mereka kepada perubahan-perubahan itu. Perubahan sistem milik tanah telah membebaskan lima belas juta petani dari perhambaan dan sekarang mereka menjadi pemilik-pemilik ladang kecil. Pasukan membanteras buta huruf telah melancarkan suatu gerakan besar-besaran untuk membasmi buta huruf dikalangan rakyat jelata.

Pada 23 Februari 1963 baginda telah mengisytiharkan bahawa perempuan adalah sama tarafnya dengan lelaki, mereka boleh mengundi, boleh menjadi pengarah-pengarah pejabat dan boleh memegang jawatan-jawatan kerajaan. Perempuan juga dibenarkan mendapat hak-hak talak. Tetapi di dalam semua perubahan-perubahan yang besar sekali ialah berkenaan dengan perladangan. Dalam langkah yang pertama dalam bulan Mei 1967 satu jumlah sebanyak 14,874 kampung penduduk-penduduknya telah diberi peluang untuk memiliki tanah-tanah sendiri. Langkah yang kedua melingkungi 52,852 kampung dan mengenai dengan 17,718 ladang. 19,820,786 orang sekarang mempunyai tanah atau ladang sendiri. Di dalam tahun 1965-66 syarikat kerjasama telah ada sebanyak

5,500 buah syarikat yang mempunyai ahli-ahli sebanyak 7,600,000 orang. Inilah perkara-perkara yang sangat besar yang dapat dimajukan dan diusahakan dengan jasa baik daripada Shahinshah Mohamad Reza Pahlavi yang baharu sahaja melawat negara kita dalam bulan Januari yang lalu.

Kalau tadinya kerajaan Iran adalah mengutamakan di atas negara sendiri, tetapi sekarang kerajaan Iran telah mengadakan hubungan dengan negara-negara tetangganya terutamanya Pakistan dan Turki dan juga negara-negara arab terutamanya Sa'udi Arabiyah dan Jordan. Apabila terjadi peristiwa-peristiwa langgaran Yahudi di Palestin maka ia mengambil peranan yang penting membantu umat muslimin yang menjadi korban di Jordan. Selain itu Shahanshah adalah sangat menggalakkan supaya diadakan sidang-sidang kemuncak di antara negara-negara Islam bagi memperluas dan memperbaiki perkembangan-perkembangan Islam. Mudah-mudahan lanjut usia dan kekal berjaya cita-cita Shahanshah untuk negaranya dan perkembangan umat Islam sejagat *āmin!*

### Kata-kata hikmah

Kalau kita mempunyai pegangan atau beragama, nescaya kita akan berdiri tetap walaupun kita banyak mendapat rintangan – Muhammad Natsir.

\* \* \*

Kebijaksanaan itu tidak akan bertunas dihati yang keras sebagaimana benih tidak boleh subur di atas batu  
- Hakim